

13/08/1997

Barisan pasti kotakan janji ketika kempen

KOTA BHARU, Selasa - Barisan Nasional (BN) akan melaksanakan segala janji yang dibuat pada sepanjang tempoh kempen pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak yang baru lalu sebagai bukti keikhlasannya membawa perubahan.

Pengerusi BN Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata arahan itu dikeluarkan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu BN menunaikan segala agenda yang dijanjikan.

"Keutamaan perlu diberi kepada rakyat Semerak kerana mereka memerlukan pembelaan dan BN akan mengotakan janji untuk membasmi kemiskinan di kawasan berkenaan.

"BN berpegang kepada prinsip berteraskan keadilan dan ini merangkumi segala tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.

"Rakyat Kelantan terutama di Semerak sudah memberi isyarat yang mereka mahu perubahan dan sedia menerima pembangunan dukungan BN," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis jamuan bersama wakil media di sini, hari ini.

Annuar berkata, rakyat Kelantan juga mula merobohkan sekatan mental yang membelenggu pemikiran mereka terhadap BN selama ini dan ia harus disokong menerusi pelaksanaan pembangunan yang menjadi sebahagian daripada budaya politik.

(END)